

UMP hasilkan penyelidikan, inovasi berimpak tinggi

UTUSAN MALAYSIA (TIMUR)
24/10/17 (SELASA) M/S:31

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusan@utusan.com.my

■ Kuantan 23 OKT.

PENCAPAIAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi terus meningkat apabila meraih pelbagai kejayaan di dalam negara serta peringkat antarabangsa.

Umpamanya, kejayaan hasil inovasi UMP yang memenangi Anugerah Inovasi Negara bagi kategori produk pada Ekspo Inovasi dan Ekonomi Kreatif Kebangsaan (NICE) 2017 baru-baru ini, membuktikan penyelidikan universiti tersebut diiktiraf sebagai antara yang terbaik.

Kejayaan itu diperoleh menerusi produk 'Pisoptera' yang berteknologi hijau pertama di negara ini yang mesra alam dan sesuai digunakan dalam masalah berkaitan dengan serangan anai-anai.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti tersebut sentiasa komited untuk menyempurnakan peranan dan tanggungjawab sosialnya secara terarah selaras dengan agenda *Memasyarakatkan Teknologi* yang menjadi dasar pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Kata beliau, usaha itu adalah bagi membangunkan potensi dan daya saing universiti berkenaan dengan membawa ilmu pengetahuan serta teknologi kepada masyarakat.

"Kejayaan yang diraih menyun-



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (dilingi) dan Daing Nasir Ibrahim (kanan) melihat produk Pisoptera yang memenangi pingat emas Pecipta 2017 dan dinobatkan Anugerah Inovasi Negara Kategori Produk di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, baru-baru ini. - IHSAN UMP

tik semangat warga UMP untuk terus menyokong dan memperkayakan pengkomersialan teknologi di universiti ini dengan menghasilkan produk serta teknologi yang berpotensi untuk dimanfaatkan umum," katanya di sini hari ini.

Daing Nasir memberikan contoh penghasilan produk seperti Pisoptera yang mana masyarakat dapat mengatasi masalah buangan sisa tidak terkawal di samping mendapat pulangan dalam bentuk kewangan.

"Masalah bahan buangan tandan kelapa sawit kosong dimanfaatkan menerusi teknologi

Pisoptera yang mana bahan buangan berkenaan ditukar kepada bahan kawalan anai-anai bernilai tinggi," ujarnya.

Tambah beliau, sebagai galakan dan rangsangan kepada ekosistem penyelidikan dan inovasi, UMP memperkenalkan dana khas iaitu *UMP-Community Technology Solution Platform Grant* yang membantu menyediakan penyelesaian kepada keperluan komuniti serta industri melalui pendekatan teknologi.

Katanya, ia termasuk kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi dimiliki UMP yang

berkaitan rapat dengan isu-isu paling pokok di peringkat masyarakat akar umbi seperti keperluan tenaga elektrik, bekalan air bersih serta penggunaan bahan bakar.

Selain itu, kata beliau, terdapat produk-produk lain dibangunkan UMP yang memberi manfaat kepada masyarakat seperti Phytogreen, Base Oil, DiaClean, G-Brick dan Wasra.

"UMP turut menang 100 peratus apabila dianugerahkan enam pingat emas, dua pingat perak dan tujuh gangsa pada Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2017 di Terengganu baru-baru ini," katanya.